

22/09/1997

Pelbagai reaksi ucaptama Dr Mahathir

Hafifi Hafidz; Azizi Othman in Hong Kong
HONG KONG, Ahad - Ucaptama Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada seminar menjelang Mesyuarat Tahunan Tabung Mata Wang Antarabangsa dan Bank Dunia (IMF Bank Dunia), semalam menerima pelbagai reaksi daripada perwakilan yang hadir.

Menurut pakar ekonomi, tokoh perbankan dan pemerhati, saranan Dr. Mahathir mengharamkan sistem urus niaga tukaran wang asing sedia ada, walaupun dilihat sebagai satu usaha terbaru Asean mendedahkan kelemahan IMF dan Bank Dunia, ia tetap 'merangsang minda' masyarakat kewangan antarabangsa.

Reaksi pertama diterima daripada Setiausaha Kewangan Amerika, Robert Rubin yang tetap mempertahankan bahawa sistem urus niaga mata wang sedia ada mempunyai hubung kait yang penting dengan ekonomi dunia. Walaupun enggan mengulas secara terbuka mengenai ucapan Perdana Menteri itu, Rubin yang pada satu ketika adalah peniaga mata wang di Wall Street berkata: "Saya tidak nampak ada sebarang kesalahan dalam kegiatan spekulasi mata wang.

"Spekulasi ialah sebahagian daripada keseluruhan kegiatan dalam mana-mana pasaran sekunder. Ia meningkatkan kecairan mata wang, seterusnya mengurangkan kos urus niaga."

Sehubungan itu, Rubin menegaskan masyarakat antarabangsa perlu menerima hakikat kewujudan sistem dagangan mata wang yang sedia ada.

Dr Mahathir, dalam ucapannya semalam mendesak masyarakat kewangan antarabangsa mengharamkan sistem urus niaga tukaran mata wang asing sedia ada kerana bertentangan dengan moral kemanusiaan dan tidak produktif.

Perdana Menteri yang mengakui saranan beliau kepada dunia itu boleh memberi risiko yang tinggi kepada Malaysia, menegaskan sistem kuno seperti itu mesti dihapuskan demi kesejahteraan dunia sejagat.

Seorang pegawai IMF, ketika diminta mengulas mengenai kandungan ucapan Perdana Menteri itu berkata, perkara yang diketengahkan perlu mendapat perhatian serius daripada semua pihak.

Ada juga sesetengah pihak yang menyifatkan ucapan Dr Mahathir sebagai sesuatu yang tidak praktikal dilaksanakan dan lebih bercorak kekecewaan Asean dalam menghadapi krisis ekonominya.

Bagaimanapun, mereka mengakui ekonomi Asia mampu menawarkan pelbagai peluang pelaburan dan kewangan yang menguntungkan kepada pelabur antarabangsa untuk jangka panjang.

(END)